



## Perutusan Tahun Baru

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum wbt, Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia. Y. Bhg. Dato' Nordin bin Hamdan, Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes), Y. Bhg. Dato' Ir. K. J. Abraham, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar), Y. Bhg. Dato' Lim Chow Hock, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan), Pengarah-pengarah, Dato'-dato', warga JPS yang dikasihi sekalian.

Pertama sekali, saya panjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana kita dapat berhimpun pada pagi ini sempena tahun baru 2010. Ucapan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai yang sudi meluangkan masa, tenaga dan kewangan untuk hadir dan prihatin kepada perjuangan sebagai warga JPS. Kita ungkap kembali kemajuan dan pencapaian yang dicapai sepanjang tahun 2009, ia merupakan tahun yang bermakna terutama bagi peringkat pengurusan yang baru. Tahun 2009 membawa perubahan yang agak ketara, baik dari segi projek-projek yang kita laksanakan, dan juga kemampuan bina insan dan organisasi itu sendiri berubah. Dilihat daripada nama awal Jabatan iaitu IPT kemudian JPS dan sekiranya diluluskan oleh Agensi Pusat, berkemungkinan nama Jabatan akan ditukar kepada JSA iaitu Jabatan Sumber Air. Namun, ianya masih di peringkat perbincangan. Nama baru ini juga masih belum selesai diterma oleh YB Menteri kerana mengikut pandangan orang ramai sumber air bermaksud air yang keluar daripada paip di rumah. Sedangkan sumber air yang kita mahu saksikan lebih merangkumi skop yang luas.

Seperti yang kita sedia maklum, banyak cabaran yang akan ditempuhi dalam tahun 2010 ini. Telah begitu banyak kita memperjuangkan jawatan-jawatan lebih tinggi yang banyak, ianya telah berlaku pada tahun 2009. Sehubungan dengan itu, kita mesti menunjukkan bahawa JPS berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara selaras dengan kelulusan yang diberikan oleh pihak JPA. Isu banjir, sungai merupakan isu yang tidak boleh dielakkan, walau dengan apa cara sekalipun kita mesti selesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat dan negara. Masalah banjir yang dihadapi kadangkala menimbulkan tanda tanya kepada rakyat tentang keberkesanan projek-projek tebatan banjir yang kita laksanakan melibatkan kos yang berbilion ringgit. Perlu diingat bahawa projek-projek yang dilaksanakan seperti SMART Tunnel sedikit sebanyak membantu menyelesaikan masalah banjir banjir dalam Kuala Lumpur sendiri adalah dari sistem drainage. Adalah mustahil untuk menjadikan banjir sifar, sedangkan di negara-negara maju pun masih mengalami banjir. Tetapi kita harus berusaha untuk menyelesaikan masalah banjir yang dihadapi.



\*Sekalung terima kasih kepada Y. Bhg. Dato' Zahir Bahri bin Ibrahim (Pengarah Bahagian Pengurusan Banjir) yang telah diwujudkan perkat yang amat mulia-peringkat keatas Daerah Kebaruan Mahkota Pahang, Daerah Indra Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Dato' sempena Ulang Hari Kemerdekaan Yang Ke-79 Ke Bawah DYMM Sultan Pahang

\*Sekalung terima kasih kepada Y. Bhg. Dato' Ir. H. Ahmad Yusoff bin Sulaiman yang telah diwujudkan perkat yang amat mulia-peringkat keatas Daerah Kebaruan Mahkota Pahang, Daerah Indra Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Dato' sempena Ulang Hari Kemerdekaan Yang Ke-79 Ke Bawah DYMM Sultan Pahang